

	<p><b>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR</b></p> <p>Untuk maklumat lanjut sila hubungi: <b>Bahagian Komunikasi Korporat</b> <b>Perbadanan Putrajaya</b> <b>Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8888 1008</b></p>
-----------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## **PERBADANAN PUTRAJAYA PERLUAS ZON TUNDA DI PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 10 Oktober 2019** – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim mengumumkan perluasan Zon Tundaan di jalan-jalan utama iaitu di Jambatan Putra, Dataran Putra, Jalan Laman Putra 1 dan Jalan Laman Perdana semasa Upacara Perbarisan Hari Penguat kuasa Perbadanan Putrajaya 2019 bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Turut hadir Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Dato' Omairi bin Hashim dan Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, YBhg. Datuk Azizi bin Haji Ahmad Termizi dan Pengarah Bahagian Penguat Kuasa PPj, Mohd Ali Bin Jusoh.

Pelaksanaan Zon Apitan & Tundaan PPj adalah berdasarkan Seksyen 48 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan telah dimulakan sejak April 2017. Antara kawasan yang terlibat adalah di Presint 1 hingga Presint 5, Presint 7, Presint 9, Presint 15 dan Presint 16.

Perluasan ini bertujuan sebagai langkah positif PPj dalam usaha mendidik dan menghalang orang ramai dari terus menerus melakukan kesalahan lalu lintas yang akan menyebabkan kepincangan kepada kesejahteraan bandar dan orang awam. Selain itu, tindakan ini adalah untuk mengelakkan tindakan sesetengah pihak daripada meletak kenderaan mereka sesuka hati yang boleh menyumbang kepada kesesakan jalan raya serta mengundang bahaya kepada orang lain sedangkan terdapat banyak tempat letak kereta disediakan di kawasan sekitar dan cuma mengambil masa lebih kurang 5 minit berjalan kaki.

Dalam majlis yang sama, Presiden PPj turut melakukan Pemeriksaan Perbarisan Kehormat yang terdiri daripada dua orang pegawai dan 20 orang anggota penguat kuasa PPj bersempena dengan Hari Penguat Kuasa PPj pada 10 Oktober 2019.

Presiden PPj turut menganugerahkan Pingat Perkhidmatan Setia Penguatkuasa kepada 4 orang pegawai dan 4 orang anggota yang telah mencapai 20 tahun tempoh

perkhidmatan serta Pingat Perkhidmatan Terpuji kepada 2 anggota yang telah memberi perkhidmatan cemerlang dan bakal bersara wajib pada November 2019.

Selain daripada acara perbarisan kehormat, PPj turut mengadakan kejohanan sukan seperti sepak takraw, bola sepak pantai, sepak penalti dan dart dan e-games yang melibatkan 7 agensi penguatkuasa lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKKHEP), Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Pendaftaran Negara, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan(JAWI) dan Jabatan Pengangkutan Jalan(JPJ).

Orang ramai juga boleh memuat turun Panduan Pelaksanaan Zon Apitan, Zon Tundaan dan Parkir Awam Di Putrajaya di laman web rasmi [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my) atau memuat turun aplikasi "Putrajaya Mobile" di PlayStore dan Appstore.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Majlis Pemeriksaan Kehormat dan Penyampaian Amanat Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya, sila hubungi **Pegawai Media PPj, En. Mohd Fairus Mohd Padzil** di talian **019-335 4346** atau **03-88877347**.



**(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 09 Oktober 2019